

0213

U B 0 4 0 B A H
MAHATHIR - PERTEMUAN

MUAR, 11 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD PETANG INI MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN **PARA** PEMIMPIN UMNO **DI** JOHOR UNTUK MENERANGKAN PERSIAPAN DAN TINDAKAN YANG PERLU **BAGI** MENGHADAPI PILIHAN **RAYA UMUM** YANG AKAN DATANG.

PERTEMUAN ITU **DIBUAT** SECARA TERTUTUP DAN **BERASINGAN, IAITU** DENGAN **BADAN** PERHUBUNGAN UMNO NEGERI DAN ANGGOTA-ANGGOTA JAWATAN KUASA BAHAGIAN-BAHAGIAN **DI** NEGERI **INI**.

BEKAS TIMBALAN **PERDANA** MENTERI DATUK **MUSA HITAM**, YANG **JUGA** KETUA UMNO BAHAGIAN **SEGAMAT**, HADIR **PADA** **KEDUA-DUA** PERTEMUAN **ITU**, YANG DIADAKAN **DI** BANGUNAN UMNO BAHAGIAN PAGOH **DI** **SINI**.

KETIBAAN **PERDANA** MENTERI DAN DATUK **MUSA** DISAMBUT OLEH TEPUKAN **GEMURUH** OLEH KIRA-KIRA 400 PERWAKILAN YANG HADIR.

KETIKA **DITEMUI** OLEH PEMBERITA SELEPAS MAJLIS **ITU**, **PRESIDEN** UMNO **ITU** **BERKATA**, BELIAU TELAH MENJELASKAN TINDAKAN-TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL **BAGI** MENGHADAPI PILIHAN **RAYA UMUM** YANG AKAN DIADAKAN **BILA-BILA** MASA SAHAJA. -- **LAGI**
1951MST 11 12 89

U B 0 4 1 B A H
MAHATHIR - PERTEMUAN 2 MUAR

+**BILA-BILA** MASA SAHAJA PILIHAN **RAYA** AKAN **DIADAKAN, +** KATA **PERDANA** MENTERI.

MENURUTNYA, BELIAU **JUGA** TELAH MENJELASKAN KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO YANG HADIR MENGENAI PERKEMBANGAN POLITIK **SEMASA**.

ANGGOTA-ANGGOTA UMNO **JUGA** DIINGATKAN AKAN PENTINGNYA PERPADUAN **DI** DALAM **PARTI**, TAMBAHNYA.

SEMASA DITANYA MENGENAI PERTEMUAN DENGAN PEMIMPIN **PARTI** SEMANGAT 46 **TENGGU** RAZALEIGH HAMZAH **DI** KUALA **LUMPUR ESOK**, DATUK **SERI DR** MAHATHIR **BERKATA**: **+ORANG** MELAYU HENDAKKAN PERPADUAN DAN **KITA** AKAN USAHAKAN KE ARAH **ITU.+**

+**SAYA** TIDAK BERHAK MEMBUAT **APA-APA** KEPUTUSAN SENDIRI KALAU **APA** YANG AKAN DIHASILKAN **PADA** PERJUMPAAN ESOK ADA KAITAN DENGAN **APA-APA** PERUBAHAN DALAM **PARTI.+ -- LAGI**
1954MST 11 12 89

0216

U 8 0 4 2 B A H
MAHATHIR - PERTEMUAN 3 MUAR

+**KITA** MESTI AKUR DAN PATUH **PADA** KEHENDAK **PARTI, +** KATANYA SEWAKTU DITANYA MENGENAI HASRATNYA **TENTANG** PERTEMUAN ESOK.

KETIKA DIMINTA PANDANGAN BELIAU **MENGENAI** HUBUNGAN **PAS**, SEMANGAT 46 DAN **DAP, PERDANA** MENTERI **BERKATA**, KENYATAAN TELAH MENUNJUKKAN BAHAWA **PAS** TELAH BEKERJASAMA DENGAN **DAP** DALAM PILIHAN **RAYA-PILIHAN RAYA** KECIL YANG LEPAS.

+**APA** YANG BERLAKU HANYALAH PEMIMPIN **PAS** TIDAK BOLEH BERCAKAP TERUS TERANG MENGENAI KERJASAMA DENGAN **DAP** KERANA **MUNGKIN** ANGGOTA-ANGGOTA **PARTI** **ITU** TIDAK AKAN MENYOKONG LANGKAH **TERSEBUT, +** TAMBAH BELIAU.

PAS BARU-BARU **INI** DILAPORKAN BAHAWA IA TIDAK AKAN BEKERJASAMA DENGAN SEMANGAT 46 JIKA **PARTI** **ITU** **TERUS** BEKERJASAMA DENGAN **DAP** YANG MENOLAK GAGASAN NEGARA ISLAM. -- **BERNAMA**
1955MST 11 12 0 9